*EDARAN TERHAD*



Kementerian Pengajian Tinggi

# GARIS PANDUAN
# DANA PROGRAM KEUSAHAWANAN
# KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

# 2021

Unit Keusahawanan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi, Aras 3, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 W.P. Putrajaya

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

# GARIS PANDUAN
# DANA PROGRAM KEUSAHAWANAN
# KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**GARIS PANDUAN**
**DANA PROGRAM KEUSAHAWANAN**
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

© Unit Keusahawanan,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), 2021

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Unit Keusahawanan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), 2021

ISBN 978-967-2828-01-3:

9 7 8 9 6 7 2 8 2 8 0 1 3

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

GARIS PANDUAN DANA PROGRAM KEUSAHAWANAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI/ Unit Keusahawanan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi.
ISBN 978-967-2828-01-3
1. Business and education--Malaysia--Handbooks, manuals, etc.
2. Entrepreneurship--Malaysia--Handbooks, manuals, etc.
3. Activity programs in education--Handbooks, manuals, etc.
4. Education, Higher--Activity programs--Malaysia--Handbooks, manuals, etc.
I. Malaysia. Kementerian Pengajian Tinggi. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar. Unit Keusahawanan.
371.19509595

Diterbitkan oleh:
Unit Keusahawanan
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 3, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5,
62200 W.P. Putrajaya
Malaysia

# Isi Kandungan


| | | Mukasurat |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN 1** | | |
| **Maklumat Umum** | | |
| 1.1 | Pengenalan | 12 |
| 1.2 | Kumpulan Sasaran | 14 |
| 1.3 | Skop | 14 |
| 1.4 | Objektif | 18 |
| 1.5 | Tarikh Kuatkuasa | 19 |
| 1.6 | Sekretariat Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) | 19 |
| **BAHAGIAN 2** | | |
| **Permohonan Peruntukan** | | |
| 2.1 | Syarat Umum Permohonan | 22 |
| 2.2 | Kriteria Permohonan | 22 |
| 2.3 | Kategori Program | 23 |
| **BAHAGIAN 3** | | |
| **Proses Kelulusan dan Keputusan** | | |
| 3.1 | Penyediaan Kertas Cadangan | 26 |
| 3.2 | Pemberitahuan Keputusan dan Penyaluran Peruntukan | 27 |
| **BAHAGIAN 4** | | |
| **Perbelanjaan Peruntukan dan Pemantauan Pelaksanaan** | | |
| 4.1 | Prosedur Perbelanjaan | 30 |
| 4.2 | Pemantauan Pelaksanaan Program dan Perbelanjaan | 33 |

# Isi Kandungan


## BAHAGIAN 5 — Mukasurat
### Peranan

| | | |
|---|---|---|
| 5.1 | Peranan dan Tanggungjawab Unit Keusahawanan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPT | 36 |
| 5.2 | Peranan Naib Canselor/ Timbalan Naib Canselor/ Penolong Naib Canselor/ Ketua Pengarah JPPKK/ Pengarah Kanan (Kompetensi JPPKK)/ Pengarah Pusat Keusahawanan | 38 |
| 5.3 | Peranan dan Tanggungjawab Pusat Keusahawanan IPT | 39 |

## BAHAGIAN 6
### Pengiktirafan

| | | |
|---|---|---|
| 6.1 | Logo dan Sijil | 42 |

## BAHAGIAN 7
### Lampiran

| | | |
|---|---|---|
| 7.1 | **Lampiran A:** | |
| | Definisi Operasi | 44 |
| 7.2 | **Lampiran B:** | |
| | Borang Permohonan Dana Keusahawanan | 45 |
| 7.3 | **Lampiran C:** | |
| | Keanggotaan dan Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) | 49 |
| 7.4 | **Lampiran D:** | |
| | Keanggotaan dan Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) | 51 |

# Isi Kandungan


| | | Mukasurat |
|---|---|---|
| 7.5 | **Lampiran E:** | |
| | Carta Alir Proses Kerja Pengagihan Dana Keusahawanan | 53 |
| 7.6 | **Lampiran F:** | |
| | Terma Pelaksanaan Program Keusahawanan IPT | 55 |
| 7.7 | **Lampiran G1:** | |
| | Carta Alir Proses Permohonan Penggunaan Baki Penjimatan Dana Keusahawanan (Tahun Semasa) | 59 |
| 7.8 | **Lampiran G2:** | |
| | Carta Alir Proses Permohonan Penggunaan Baki Penjimatan Dana Keusahawanan (Bukan Tahun Semasa) | 60 |
| 7.9 | **Lampiran H:** | |
| | Cadangan Kadar Bagi Pelaksanaan Program-Program Keusahawanan KPT | 62 |
| 7.10 | **Lampiran I:** | |
| | Laporan Akhir Program Keusahawanan | 65 |
| 7.11 | **Lampiran J:** | |
| | Keanggotaan dan Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Program Keusahawanan | 69 |
| 7.12 | **Lampiran K:** | |
| | Carta Alir Pemantauan Pelaksanaan Program Keusahawanan | 71 |
| 7.13 | **Lampiran L:** | |
| | Contoh Format Sijil | 72 |

**PENGHARGAAN**

**SOALAN LAZIM**

# Pendahuluan

Garis Panduan Dana Keusahawanan ini disediakan bertujuan sebagai rujukan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam kategori Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti untuk permohonan, pelaksanaan, pemantauan dan pengurusan program keusahawanan.

Garis panduan ini menerangkan dengan jelas tentang syarat-syarat dan peraturan peruntukan di bawah dana keusahawanan yang disediakan oleh KPT untuk melaksanakan program keusahawanan bagi mencapai keberhasilan melahirkan usahawan pelajar yang berdaya saing dan mampan seterusnya memenuhi aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) dan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021 - 2025.



Hal ini dapat menyokong usaha untuk membudayakan keusahawanan dalam sistem pendidikan tinggi secara menyeluruh dalam melahirkan graduan bercirikan keusahawanan dan menjadi penjana pekerjaan (*job creator*). Garis panduan ini telah ditambahbaik secara berkala berdasarkan keperluan dengan mengambilkira perkembangan semasa bagi memberikan pemahaman yang jitu kepada KPT/ IPT tentang perlunya perubahan dalam pemerkasaan ekosistem keusahawanan selaras dengan perkembangan ekonomi, sosial dan teknologi yang pesat membangun.

Garis panduan ini akan menjadi rujukan utama dalam membantu IPT melaksanakan program keusahawanan yang berimpak tinggi dengan kos yang optimum, lebih bersifat dinamik dan holistik sesuai dengan perubahan semasa seterusnya dapat menarik minat lebih ramai pelajar untuk menyertai program tersebut.




SURIA KLCC



# BAHAGIAN 1
# MAKLUMAT UMUM

Garis Panduan
Dana Keusahawanan

Kementerian Pengajian Tinggi

# Maklumat Umum

## 1.1 PENGENALAN

1.1.1 Program keusahawanan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dilaksanakan bagi memenuhi aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) untuk melahirkan graduan holistik, seimbang dan bercirikan keusahawanan. Ianya juga dirancang bertujuan membudayakan keusahawanan dalam seluruh sistem pendidikan tinggi bagi melahirkan graduan bercirikan keusahawanan dan seterusnya menjadi penjana pekerjaan (*job creator*).

1.1.2 Di samping itu, program keusahawanan yang dilaksanakan adalah selari dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang mensasarkan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan unggul menjelang tahun 2030. Program-program keusahawanan ini juga menyokong pencapaian objektif Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2010 dan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2021 - 2025.

1.1.3 Oleh yang demikian, bagi menyokong pelaksanaan program pembangunan keusahawanan yang dilaksanakan, proses pembudayaan keusahawanan perlu dilakukan secara berterusan demi memastikan pemerkasaan ekosistem keusahawanan di IPT. Inisiatif keusahawanan ini dilaksanakan secara holistik dan berstruktur melalui program dan aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum bagi melahirkan usahawan yang bijak mengambil peluang (*opportunity-based entrepreneurship*) dengan memanfaatkan inovasi dan teknologi.

1.1.4 Bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang nilai dan atribut keusahawanan yang mapan, Kerangka Pencipta Pekerjaan (*Job Creator Framework*) berkonsepkan *learn & earn* serta *experiential entrepreneurial learning* yang signifikan kepada pelajar IPT telah diperkenalkan. Melalui kerangka ini, pelajar akan didedahkan dengan kemahiran keusahawanan digital yang menyokong anjakan ke ekonomi baru seiring dengan transformasi pendigitalan perniagaan.

1.1.5 Bagi memenuhi aspirasi PPPM(PT) 2015 - 2025 tersebut, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyediakan peruntukan di bawah dana keusahawanan untuk IPT melaksanakan program bagi mencapai keberhasilan pelan tindakan keusahawanan. Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan KPT/ IPT untuk permohonan, pelaksanaan, pemantauan dan pengurusan program keusahawanan.



## 1.2 KUMPULAN SASARAN

1.2.1 Pelaksanaan program keusahawanan melibatkan pelajar, graduan (dalam tempoh **enam (6) bulan** selepas tamat pengajian), tenaga pengajar, pegawai dan staf yang terlibat secara langsung di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

## 1.3 SKOP

1.3.1 Skop program keusahawanan antaranya adalah seperti berikut:

i **Program Pengukuhan Keusahawanan**

Program yang boleh meningkatkan set minda usahawan muda yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan, berfikiran global dan kompetitif. Di antara program yang boleh dijalankan adalah program motivasi serta *sharing session* oleh ikon usahawan, penggunaan platform digital yang sesuai bagi pemasaran produk atau perkhidmatan yang dijalankan, pengurusan kewangan, pengurusan sumber yang optimum, kefahaman peraturan serta pematuhan peraturan dan undang-undang berkaitan perniagaan dan kemahiran *business pitching* yang berkesan.

*"Satu-satunya cara untuk melakukan pekerjaan yang hebat adalah dengan mencintai apa yang kamu lakukan.*
*— Steve Jobs*

### ii Program Keusahawanan Sosial

Program yang melatih pelajar, tenaga pengajar, pegawai dan staf di dalam menjayakan agenda pemerkasaan keusahawanan sosial di IPT. Bermatlamat melahirkan syarikat pelajar yang berupaya menghasilkan impak sosial atau impak positif kepada alam sekitar secara proaktif dan pada masa yang sama mempunyai kemampuan kewangan yang mampan. Antara program yang boleh dilaksanakan adalah program kesedaran dan pemahaman tentang konsep keusahawanan sosial, program persijilan dengan badan profesional berkaitan/ agensi peneraju keusahawanan sosial dan kerjasama strategik dengan agensi pelaksana keusahawanan sosial dari segi bimbingan (*mentoring*) dan khidmat nasihat (*coaching*).

### iii Program Keusahawanan Inovasi Dan Teknologi

Program keusahawanan yang dirangka dengan memfokuskan kepada pembangunan keusahawanan berasaskan inovasi dan teknologi yang menyokong keupayaan pelajar untuk menghasilkan idea inovatif yang boleh diketengahkan untuk dikomersilkan. Matlamat utama program adalah menggalakkan pewujudan syarikat pemula pelajar yang berasaskan inovasi dan teknologi juga melatih pelajar untuk memanfaatkan inovasi dan teknologi dalam memula, pengoperasian, dan mengekalkan kelangsungan perniagaan mereka. Antara contoh program adalah pertandingan cabaran inovasi, kursus inovasi sosial, *startup weekend, hackathon* yang berdasarkan data, bengkel yang diketuai oleh pakar bidang dan *pitching*.

### iv Program Penjanaan Dana

Program yang membuka akses kepada pembiayaan yang membantu siswa memulakan perniagaan pada peringkat awal dalam bentuk pemberian, pinjaman, atau kredit mikro, baik dari agensi, industri atau individu. Program yang membolehkan akses mudah ke pasaran, memberi peluang kepada pelabur yang berpotensi untuk terlibat dalam perusahaan usahawan pelajar di peringkat awal atau menyumbang bagi tujuan mengembangkan perniagaan mereka. Penganjuran latihan "padanan" antara bakat dan bakal pelabur turut digalakkan bagi membantu usahawan siswazah mencari dan mendapatkan dana untuk menguruskan perniagaan mereka.

Selain itu, program yang diadakan bagi meraih pendapatan dari sumber luar dan boleh berbentuk hadiah atau sumbangan daripada individu, syarikat korporat dan kerajaan yang dilaksanakan secara persendirian atau kerjasama pelbagai agensi antaranya seperti program amal, majlis makan malam, *charity run, treasure hunt* dan sebagainya juga adalah tersenarai di bawah kategori ini.



## v Program Peningkatan Kepakaran Keusahawanan Tenaga Pengajar

Program yang melibatkan peningkatan pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, teknik-teknik penyampaian ilmu keusahawanan secara berkesan dan latihan kemahiran perniagaan yang terkini seperti dalam bidang keusahawanan digital dan inovasi sosial. Program-program berbentuk kerjasama dengan badan persijilan profesional digalakkan bagi memberi nilai tambah kepada tenaga pengajar, pegawai dan staf yang terlibat secara langsung di IPT di dalam melaksanakan agenda keusahawanan di IPT. Kerjasama antara pihak industri/ perniagaan dengan institusi pendidikan/ akademia juga boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan terutamanya program mentor dan latihan pengajaran.

## vi Program Inkubator Keusahawanan Pelajar

Program pembangunan perniagaan yang bermatlamat mengangkat hasil-hasil penyelidikan berteraskan inovasi di IPT untuk dikomersialkan. Program ini berperanan mendorong pembentukan dan pertumbuhan syarikat pemula berasaskan teknologi, inovasi dan perniagaan lain yang seumpamanya yang merangkumi bimbingan kemahiran keusahawanan, bantuan teknikal dan konsultasi, perkhidmatan dan peralatan perniagaan, perkhidmatan sokongan teknologi serta bantuan dalam mendapatkan pembiayaan yang diperlukan untuk pertumbuhan syarikat.

vii **Lain-lain Program Keusahawanan Yang Berkaitan.**

*Jangan takut jatuh, kerana yang tidak pernah memanjatlah yang tidak pernah jatuh.*
*— Hamka*

## 1.4 OBJEKTIF

1.4.1 Objektif program keusahawanan antaranya adalah seperti berikut:

i. Memastikan kelestarian pembudayaan keusahawanan di dalam setiap program keusahawanan yang dijalankan;

ii. Melahirkan pelajar yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan;

iii. Meningkatkan jumlah graduan IPT yang menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya jangka panjang dan kadar kelangsungan (*survival rate*);

iv. Memperkasa kepakaran keusahawanan tenaga pengajar, pegawai dan staf IPT;

v. Meningkatkan program keusahawanan yang memanfaatkan inovasi dan teknologi;

vi. Memperkasakan jaringan keusahawanan yang berimpak tinggi; dan

vii. Memantapkan ekosistem keusahawanan yang bersinergi.

## 1.5 TARIKH KUATKUASA

1.5.1 Garis panduan ini adalah terpakai untuk semua program keusahawanan berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2021.**

## 1.6 SEKRETARIAT KEUSAHAWANAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)

Kertas permohonan program keusahawanan dan laporan pelaksanaan program serta surat menyurat berkaitan program keusahawanan IPT boleh dikemukakan kepada alamat berikut:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan dan
Penyelidikan Dasar
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 3, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5, 62200 W.P
Putrajaya
No. Tel.: 03-8870 6736 / 5452 / 5049




"Apabila kamu sudah
memutuskan untuk menekuni
suatu bidang, jadilah orang
yang konsisten. Itu adalah
kunci keberhasilan yang
sebenarnya."
-Jack Ma-



# BAHAGIAN 2
# PERMOHONAN PERUNTUKAN

Garis Panduan
Dana Keusahawanan

Kementerian Pengajian Tinggi

# Permohonan Peruntukan

## 2.1 SYARAT UMUM PERMOHONAN

2.1.1 Terbuka kepada IPT dalam kategori:

i. Universiti Awam
ii. Politeknik
iii. Kolej Komuniti

Definisi operasi bagi Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti adalah seperti di **Lampiran A.**

2.1.2 Program yang diluluskan perlu selesai dilaksanakan dalam tempoh **satu (1) tahun dari tarikh dana disalurkan.**

## 2.2 KRITERIA PERMOHONAN

2.2.1 Kertas cadangan yang lengkap, mempunyai kaedah pelaksanaan yang jelas dan menyokong keberhasilan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT yang berkuatkuasa.

2.2.2 Program yang dijalankan melibatkan pelajar **warganegara Malaysia** yang sedang dalam pengajian di IPT dan yang telah menamatkan pengajian dalam tempoh **enam (6) bulan.**

2.2.3 Pemilihan program adalah berdasarkan permohonan yang mempunyai nilai kewangan yang sesuai dan penggunaan yang optimum.



2.2.4 IPT menunjukkan prestasi pelaksanaan program keusahawanan yang baik pada tahun sebelumnya (sekurang-kurangnya 80% daripada keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan pada tahun sebelum telah dibelanjakan atau program telah tamat/ selesai dilaksanakan) dan telah menghasilkan *outcome* yang selari dengan objektif program keusahawanan di bawah dana ini.

2.2.5 Program keusahawanan yang memanfaatkan inovasi dan teknologi serta dijalankan secara kolaborasi dengan agensi/ alumni/ industri/ usahawan adalah amat digalakkan.

## 2.3 KATEGORI PROGRAM

Sebanyak **dua (2) kategori** program dibawah dana ini:

1. **Peringkat Nasional**
   Program keusahawanan yang dilaksanakan melibatkan penyertaan minimum **lima (5) IPT** untuk program *pioneer* atau semua IPT. Melibatkan skop program yang lebih besar dan penglibatan yang menyeluruh serta sasaran *outcome* yang lebih besar.

2. **Peringkat IPT**
   Program keusahawanan yang dilaksanakan melibatkan **satu (1) IPT** sahaja. Melibatkan skop program yang lebih kecil dan sasaran *outcome* hanya melibatkan kumpulan sasaran di IPT berkenaan sahaja.




PROMOSI
RM 5
F&N
F&N




# BAHAGIAN 3
# PROSES KELULUSAN DAN KEPUTUSAN

Garis Panduan
Dana Keusahawanan

Kementerian Pengajian Tinggi

# Proses Kelulusan dan Keputusan

## 3.1 PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN

3.1.1 IPT yang mempunyai cadangan untuk melaksanakan program keusahawanan perlu mengemukakan kertas cadangan program yang lengkap dan terperinci kepada KPT dengan menggunakan format kertas cadangan seperti di **Lampiran B.**

3.1.2 IPT perlu membentangkan cadangan pelaksanaan program kepada **Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi** yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT untuk diteliti. Senarai ahli jawatankuasa dan terma rujukan adalah seperti di **Lampiran C.**

3.1.3 Kertas cadangan yang telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana Keusahawanan akan dibawa kepada **Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi** yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPT untuk mendapatkan kelulusan. Senarai ahli jawatankuasa dan terma rujukan adalah seperti di **Lampiran D.**



3.1.4 Carta alir dan garis masa pelaksanaan proses kelulusan adalah seperti di **Lampiran E.**



# Keputusan

**3.2 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENYALURAN PERUNTUKAN**

3.2.1 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi adalah muktamad.

3.2.2 Makluman kelulusan program keusahawanan akan dikemukakan kepada Pusat Keusahawanan IPT dalam tempoh **dua (2) minggu** selepas diluluskan. Pihak Kementerian akan memaklumkan kepada Pusat Keusahawanan IPT setelah penyaluran peruntukan ke Institusi dibuat dan disalinkan kepada Jabatan Bendahari di IPT berkenaan jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT.





3.2.3 Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT tidak boleh digunakan sebagai punca kuasa mutlak pembayaran dan melantik syarikat. IPT masih tertakluk kepada tatacara perolehan dan kewangan Kerajaan/ yang sedang berkuatkuasa.

3.2.4 Jika terdapat apa-apa perubahan berkenaan kaedah pelaksanaan program tanpa melibatkan sebarang peruntukan tambahan berdasarkan kelulusan asal yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT, pihak IPT hanya perlu mengemukakan makluman pindaan tersebut kepada KPT **sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum pelaksanaan program untuk tujuan rekod.**



Jika terdapat perubahan kepada sasaran outcome program yang diluluskan, pihak IPT perlu menghantar permohonan kepada KPT beserta justifikasi kukuh **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum program dilaksanakan untuk pertimbangan Pegawai Pengawal.**

3.2.5 IPT perlu mengemukakan Terma Pelaksanaan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh surat penyaluran dana kelulusan bagi setiap program keusahawanan yang telah diluluskan kepada KPT seperti di **Lampiran F.**







# BAHAGIAN 4
# PERBELANJAAN PERUNTUKAN DAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN

Garis Panduan
Dana Keusahawanan

Kementerian Pengajian Tinggi

# Perbelanjaan Peruntukan

## 4.1 PROSEDUR PERBELANJAAN

4.1.1 Peruntukan yang diluluskan hanya boleh digunakan bagi program yang telah diluluskan oleh **Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT** di peringkat KPT.

4.1.2 Sekiranya terdapat penjimatan bagi sesuatu program keusahawanan yang telah dilaksanakan, baki penjimatan tersebut boleh dipertimbangkan bagi kos pelaksanaan sebarang program/ aktiviti keusahawanan di IPT lain seperti berikut:

i. Baki dana keusahawanan tahun semasa perlu mendapat kelulusan **Pegawai Pengawal** dengan sokongan **Bahagian Kewangan Kementerian**. **Permohonan perlu dikemukakan kepada urus setia KPT pada** setiap sukuan tahun.

ii. Baki dana keusahawanan bagi tahun sebelumnya perlu **dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Bahagian Kewangan Kementerian** untuk kelulusan terlebih dahulu.

Carta alir proses permohonan penggunaan baki penjimatan dana keusahawanan IPT adalah seperti di **Lampiran G1 dan G2.**

4.1.3 Semua aspek pengurusan kewangan dan perolehan perlu dilaksanakan secara teratur, sistematik dan telus berdasarkan kepada tatacara kewangan dan perolehan Kerajaan/ IPT yang berkuatkuasa.

4.1.4 Peruntukan **TIDAK BOLEH** dibelanjakan untuk perkara-perkara berikut:

i. Perbelanjaan bagi komponen program yang tidak diluluskan oleh **Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT.**

ii. Pembelian aset.

iii. Pembayaran gaji pegawai atau kakitangan IPT/ Pusat Keusahawanan IPT.

iv. Tuntutan perjalanan/ penginapan pegawai dan kakitangan.

v. Caj pengurusan di IPT bagi program keusahawanan peringkat IPT yang telah diluluskan oleh Kementerian.

vi. Pemberian pinjaman kepada pelajar bagi tujuan menjalankan perniagaan.



4.1.5 Kadar pembayaran bagi pelaksanaan program keusahawanan mestilah bersesuaian dan tidak melebihi kadar yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan berkaitan. Jumlah kadar yang dicadangkan bagi pelaksanaan program-program keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi adalah seperti di **Lampiran H.**

4.1.6 Setiap IPT perlu merekodkan penerimaan dan perbelanjaan bagi setiap peruntukan program keusahawanan yang telah diluluskan bagi memudahkan proses penyediaan laporan dan pemantauan rekod perbelanjaan.



# Pemantauan Pelaksanaan

**4.2 PEMANTAUAN PELAKSANAAN PROGRAM DAN PERBELANJAAN PERUNTUKAN**

4.2.1 Program hendaklah selesai dilaksanakan dalam tempoh **satu (1) tahun** dari tarikh peruntukan disalurkan. Sekiranya lewat, perlu nyatakan justifikasi kelewatan yang kukuh.

4.2.2 IPT bertanggungjawab mengemukakan laporan prestasi perbelanjaan program keusahawanan secara berkala sebulan sekali bagi tujuan pemantauan prestasi perbelanjaan IPT.

4.2.3 Pemantauan pelaksanaan program keusahawanan dilakukan oleh pihak Kementerian sekurang-kurangnya **tiga (3) kali** bagi mana-mana IPT yang terpilih bagi memastikan program dilaksanakan mengikut terma dan syarat dalam kertas cadangan yang diluluskan

4.2.4 Laporan akhir program perlulah dikemukakan dengan lengkap dalam **tempoh tiga (3) bulan** selepas perlaksanaan program mengikut format yang disediakan oleh pihak KPT seperti di **Lampiran I.**

4.2.5 Laporan program akan diteliti oleh Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Program Keusahawanan seperti di **Lampiran J.**

4.2.6 Carta alir pemantauan pelaksanaan program keusahawanan adalah seperti di **Lampiran K.**


“Mereka yang tidak pernah gagal tidak pernah mencuba sesuatu yang baru”
-Albert Einstein-



# BAHAGIAN 5
# PERANAN

Garis Panduan
Dana Keusahawanan

Kementerian Pengajian Tinggi

# Peranan

**5.1 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB UNIT KEUSAHAWANAN, BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR, KPT**

5.1.1 Unit Keusahawanan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPT akan bertanggungjawab bagi perkara berikut:

i. Bertindak sebagai urusetia **Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana Keusahawanan IPT** dan **Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT;**

ii. Membuat hebahan berkaitan permohonan program keusahawanan IPT **maksimum tiga (3) bulan** dari tarikh tutup permohonan kertas cadangan;

iii. Memproses kertas cadangan program keusahawanan IPT untuk disyorkan kepada **Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana Keusahawanan IPT** yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) (TKSU (D));

iv. Membawa kertas cadangan program keusahawanan IPT yang telah disyorkan oleh **Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana Keusahawanan IPT** untuk kelulusan **Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT** yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU);

v. Memastikan penyaluran peruntukan disalurkan kepada IPT yang berkenaan dengan jumlah seperti mana yang telah diluluskan selewat-lewatnya **dua (2) bulan** dari tarikh keputusan permohonan dimaklumkan;

vi. Urus setia KPT perlu memperincikan garis masa dan carta alir yang jelas kepada IPT bagi memastikan proses permohonan, kelulusan, penyaluran dana, pelaksanaan program, pemantauan serta pelaporan adalah mengikut perancangan yang ditetapkan (seperti di **Lampiran E**);

vii. Memantau pelaksanaan program dan perbelanjaan peruntukan yang telah diluluskan berdasarkan perincian Garis Panduan Pengurusan Dana Keusahawanan KPT di **Bahagian 4;**

viii. Menerima laporan akhir program keusahawanan dari IPT; dan

ix. Memberi maklum balas pencapaian keseluruhan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada setiap IPT untuk setiap **enam (6) bulan.**



## 5.2 PERANAN NAIB CANSELOR/ TIMBALAN NAIB CANSELOR/ PENOLONG NAIB CANSELOR/ KETUA PENGARAH JPPKK/ PENGARAH KANAN (KOMPETENSI JPPKK)/ PENGARAH PUSAT KEUSAHAWANAN

5.2.1 Peranan Naib Canselor/ Timbalan Naib Canselor/ Penolong Naib Canselor/ Ketua Pengarah JPPKK/ Pengarah Kanan (Kompetensi JPPKK)/ Pengarah Pusat Keusahawanan adalah seperti berikut:-

i. Memastikan Pusat Keusahawanan IPT masing-masing berjaya menjalankan program/ aktiviti keusahawanan dengan menggunakan peruntukan yang telah diluluskan.

ii. Menyokong dan memberi galakan kepada sebarang aktiviti keusahawanan pelajar atau tenaga pengajar yang dapat memberi manfaat dalam meningkatkan bilangan usahawan pelajar dan graduan.

iii. Diberikan kuasa untuk meluluskan pindaan kaedah pelaksanaan program pada kertas cadangan asal program keusahawanan IPT mengikut tatacara kewangan yang digunapakai di Kementerian/ IPT.

iv. Mengesahkan data dan pencapaian keseluruhan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) IPT setiap **enam (6) bulan.**



## 5.3 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PUSAT KEUSAHAWANAN IPT

5.3.1 Pusat Keusahawanan IPT akan bertanggungjawab bagi perkara-perkara berikut:-

i. Menyelaras dan membuat saringan kertas **cadangan program keusahawanan berimpak tinggi** daripada semua fakulti/ jabatan sebelum dikemukakan kepada KPT;

ii. Mengemukakan kertas cadangan program keusahawanan IPT yang lengkap kepada KPT mengikut garis masa yang ditetapkan;

iii. Memastikan program dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektif yang telah ditetapkan;

iv. Memastikan keselamatan peserta yang terlibat di dalam aktiviti yang dilaksanakan adalah terjamin sepanjang masa dan tidak terdedah kepada sebarang risiko yang boleh mengganggu-gugat keselamatan peserta program;

v. Memastikan perbelanjaan peruntukan adalah mengikut tatacara perbendaharaan **yang berkuatkuasa;**

vi. Mengemukakan laporan pelaksanaan program mengikut format yang disediakan oleh KPT; dan

vii. Menyediakan data dan pencapaian keseluruhan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) IPT setiap **enam (6) bulan.**







# BAHAGIAN 6
# PENGIKTIRAFAN

Garis Panduan
Dana Keusahawanan

Kementerian Pengajian Tinggi

# Pengiktirafan

## 6.1 LOGO DAN SIJIL

6.1.1 Setiap IPT perlu memberi pengiktirafan kepada Kerajaan dalam segala urusan yang melibatkan pelaksanaan program keusahawanan dengan menyatakan bahawa program tersebut adalah anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama IPT.

6.1.2 Logo dan nama Kementerian Pengajian Tinggi hanya boleh digunakan dalam bahan promosi dan cetakan program yang dibiayai oleh KPT.

6.1.3 Templat sijil penghargaan adalah seperti di **Lampiran L.**





# BAHAGIAN 7
# LAMPIRAN

## Garis Panduan Dana Keusahawanan

Kementerian Pengajian Tinggi

# Lampiran

## 7.1 LAMPIRAN A: DEFINISI OPERASI

### Universiti Awam

Institusi Pengajian Tinggi Awam atau juga dikenali sebagai Universiti Awam (UA) ialah universiti yang banyak dibiayai secara awam melalui kerajaan negara atau setempat. UA di Malaysia dikategorikan kepada **tiga (3)** kumpulan, iaitu Universiti Penyelidikan, Universiti Komprehensif dan Universiti Berfokus (teknikal, pendidikan, pengurusan dan pertahanan). Sehingga kini, terdapat **20 buah** UA di negara ini yang terdiri daripada **lima (5)** Universiti Penyelidikan, **empat (4)** Universiti Komprehensif dan **11** Universiti Berfokus.

### Politeknik

Politeknik mula diperkenalkan di Malaysia bermula tahun 1969 untuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Politeknik di Malaysia dikategorikan kepada **tiga (3) kumpulan** iaitu Politeknik Premier, Konvensional dan Metro. Ia juga menawarkan pelbagai mod pengajian termasuk kursus secara sambilan, kursus *reskilling & upskilling*, peringkat diploma dan ijazah sarjana muda.

### Kolej Komuniti

Kolej Komuniti dibina berdasarkan keperluan kawasan setempat khusus sebagai hub pembelajaran sepanjang hayat yang dapat mengurangkan jurang tenaga mahir yang dihadapi oleh industri. Kolej komuniti juga menyediakan pelbagai bentuk program yang berteraskan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional di peringkat sijil dan diploma. Politeknik dan Kolej Komuniti telah digabungkan dalam **satu (1)** jabatan iaitu Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sejak tahun 2018.

**Lampiran B**

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

# BORANG PERMOHONAN DANA KEUSAHAWANAN

**TAHUN : ...............................**

**NAMA IPT : .............................................................................**

<table>
<tr><td colspan="2">KATEGORI PERMOHONAN<br><br>PERINGKAT:<br>Sila tandakan (√) pada kategori yang sesuai<br><br>(   ) Peringkat Nasional<br>(   ) Peringkat IPT</td></tr>
<tr><td>STRATEGI:<br>Sila tandakan (√) pada strategi yang terlibat:<br>(   ) Strategi 1 – Mengukuhkan sistem sokongan dan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan<br><br>(   ) Strategi 2 – Melahirkan pelajar yang berupaya mencipta pekerjaan (Job Creator)<br><br>(   ) Strategi 3 – Meningkatkan bilangan tenaga pakar dalam keusahawanan<br><br>(   ) Strategi 4 – Meningkatkan kepelbagaian kerjasama melalui jaringan keusahawanan<br><br>(   ) Strategi 5 – Meningkatkan pendanaan perniagaan usahawan pelajar (Seed Funding)<br><br>(   ) Strategi 6 – Membentuk pelajar yang memanfaatkan inovasi dan teknologi dalam keusahawanan<br><br>(   ) Strategi 7 – Menggalakkan pembentukan syarikat pemula (Start-up) berkaitan inovasi/ teknologi/ digital</td><td>KATEGORI:<br>Sila tandakan (√) pada kategori yang terlibat<br><br>( ) Asas<br>( ) Pertengahan<br>( ) Lanjutan</td></tr>
</table>

| 1. MAKLUMAT PROGRAM |
|---|
| Tajuk Program |
| |
| Latar Belakang/ Pengenalan |
| |
| Objektif Program/ Aktiviti |
| |
| Justifikasi Program/ Aktiviti |
| |
| Kaedah Pelaksanaan |
| |
| Cadangan Tarikh Pelaksanaan |
| |

| | Sasaran | Bilangan |
|---|---|---|
| Kumpulan Sasaran & Bilangan | Pelajar | |
| | Alumni | |
| | Tenaga pengajar | |
| | Komuniti | |
| | Agensi/ Industri/ NGO | |

| Jangkaan Keberhasilan (Expected Outcome) program (Sila tandakan (√) pada ruangan yang berkaitan) | | **Penerangan dan Huraian (Sekiranya ruangan tidak mencukupi, sila kemukakan lampiran)** |
|---|---|---|
| | Usahawan pelajar menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian | |
| | Usahawan graduan menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian | |
| | Tenaga pengajar yang mendapat kepakaran keusahawanan | |
| | Kolaborasi agensi/ industri/ NGO/ persatuan dengan IPT (tempatan atau antarabangsa) | |
| | Syarikat/ *enterprise*/ perniagaan yang berjaya mendapat suntikan dana | |
| | Pelajar terlibat dalam program yang memanfaatkan inovasi dan teknologi dalam keusahawanan | |
| | Syarikat pemula (*Start-up*) pelajar yang berteraskan inovasi dan teknologi | |
| | Impak kepada komuniti daripada aspek ekonomi dan sosial (Contoh: *Sustainable Development Goals*) | |
| | Lain-lain program keusahawanan yang berkaitan | |
| **Implikasi Kewangan (Nyatakan secara terperinci bagi setiap program)** | | |

Sila rujuk :
1. Arahan Perbendaharaan yang berkuatkuasa
2. Jadual kadar yang di sertakan di Bahagian 4 : Perbelanjaan Peruntukan

| Bil. | Perkara | Kos unit (RM) | Kuantiti | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| **JUMLAH** | | | | |

| | |
|---|---|
| Penutup/ Cadangan Kelulusan | |

# Keanggotaan dan Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana Keusahawanan IPT

**Keanggotaan**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | TKSU (D) |
| Ahli-ahli tetap | : | SUB (D) (Pengerusi Ganti) |
| | : | SUB (W) |
| | : | SUB (P) |
| | : | TSUB (OST) |
| | : | Wakil JPT |
| | : | Wakil JPPKK |
| Ahli jemputan | : | Agensi/ Jabatan/ IPT yang berkaitan |
| Urus setia | : | Unit Keusahawanan KPT |

- **SUB (D) boleh mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa ini dengan persetujuan dan arahan daripada Pengerusi.**

- **Kehadiran ahli mesyuarat hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan sekurang-kurangnya empat (4) orang ahli tetap atau wakilnya pada setiap kali mesyuarat bersidang.**

- **Kekerapan mesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.**

**Terma Rujukan (TOR) Ahli Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana Keusahawanan IPT:**

i. Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana Keusahawanan IPT yang diadakan;

ii. Membuat penelitian dan penilaian terhadap kertas cadangan/ permohonan program/ aktiviti; dan

iii. Membuat syor bagi kelulusan Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT.

# Keanggotaan dan Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT

**Keanggotaan**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | KSU |
| Ahli-ahli tetap | : | TKSU (D) |
| | : | TKSU (PP) |
| | : | KPPT, JPT |
| | : | KP, JPPKK |
| | : | SUB (D) |
| | : | SUB (W) |
| | : | SUB (P) |
| Ahli jemputan | : | Agensi/ Jabatan/ IPT yang berkaitan |
| Urus setia | : | Unit Keusahawanan KPT |

- **Kehadiran ahli mesyuarat hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan sekurang-kurangnya empat (4) orang ahli tetap atau wakilnya pada setiap kali mesyuarat bersidang.**

- **Kekerapan mesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.**

**Terma Rujukan (TOR) Ahli Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT :**

i. Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT yang diadakan;

ii. Mempertimbang syor yang diangkat oleh Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana Keusahawanan IPT; dan

iii. Membuat keputusan bagi melulus atau menolak kertas cadangan/ permohonan program/ aktiviti yang telah dikemukakan

# Lampiran E

## CARTA ALIR PROSES KERJA PENGAGIHAN DANA KEUSAHAWANAN




- Borang permohonan diterima daripada IPT dalam tempoh yang ditetapkan.
- Semakan borang permohonan oleh urus setia Unit Keusahawanan IPT berdasarkan kriteria penilaian. Tempoh masa satu (1) minggu.
- Penilaian permohonan untuk pengesyoran oleh Jawatankuasa Teknikal dikemukakan kepada Jawatankuasa Induk.
- Jawatankuasa Induk menimbang dan meluluskan syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Teknikal.
- Keputusan mesyuarat dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh tiga (3) hari selepas mesyuarat bersidang.
- Dana yang telah diluluskan akan disalurkan kepada IPT/ Jabatan oleh Bahagian Kewangan, Kementerian

4 Minggu

- Surat makluman kelulusan dan penyaluran dana dikemukakan kepada IPT dalam tempoh tiga (3) hari selepas dana disalurkan dan disalin kepada bendahari IPT/ Pegawai Kewangan Jabatan.

**Ketua Urus Setia**
TSUB (Seksyen Operasi Strategik) /
Ketua Unit Keusahawanan KPT

***JK Pengurusan Teknikal terdiri daripada**
- TKSU (D) - Pengerusi
- SUB (D) – Pengerusi Ganti
- SUB(W)
- SUB(P)
- TSUB (OST)
- Wakil JPT
- Wakil JPPK
- Ahli-ahli jemputan yang berkenaan

***JK Pengurusan Induk terdiri daripada**
- KSU - Pengerusi Tetap
- TKSU (D)
- TKSU (PP)
- KPPT, JPT
- KP, JPPKK
- SUB (D)
- SUB(W)
- SUB(P)
- Ahli-ahli jemputan yang berkenaan

Lampiran F

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

# TERMA PELAKSANAAN
# PROGRAM KEUSAHAWANAN IPT
# TAHUN xxxx

## < NAMA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI >

## < NAMA PROGRAM >

**Lampiran F**

## 1. Kelulusan

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT Bilangan xxx pada xxxx telah meluluskan pelaksanaan program seperti berikut:

| BIL | MAKLUMAT PROGRAM |
|---|---|
| 1 | **Nama Program:** Program Keusahawanan Digital (contoh) |
| 2 | **Kos Yang Diluluskan:** RM000.00 [Ringgit Malaysia: xxxxx **Sahaja**]<br>*rujuk surat makluman kelulusan yang dikemukakan oleh KPT |
| 3 | **Penyedia Perkhidmatan:**<br>Penyedia perkhidmatan yang berkemahiran dalam bidang berkaitan merujuk kepada program yang ditawarkan |
| 4 | **Bilangan Peserta:** xx orang |
| 5 | **Outcome/ Keberhasilan:**<br>Jumlah usahawan pelajar dilahirkan/ Jumlah pelajar/ jumlah tenaga pengajar yang mendapat pendedahan keusahawanan |

## 2. Tempoh Pelaksanaan

a. Program hendaklah selesai dilaksanakan dalam tempoh **satu (1) tahun dari tarikh peruntukan disalurkan.**

b. **Garis masa bagi pelaksanaan program** ini perlu dikemukakan kepada pihak KPT.

## 3. Pelanjutan dan Tempoh Pelaksanaan

a. Sebarang pindaan tarikh dan lokasi pelaksanaan yang dinyatakan dalam Terma Pelaksanaan Program Keusahawanan (yang telah ditandatangani) hendaklah dimaklumkan secara rasmi kepada pihak KPT **satu (1) bulan** sebelum pelaksanaan program.

b. Sebarang pelanjutan tempoh pelaksanaan yang dinyatakan dalam Terma Pelaksanaan Program Keusahawanan (yang telah ditandatangani) hendaklah dimaklumkan secara rasmi kepada pihak KPT **dua (2) bulan** sebelum tamat program.

4. **Pengurusan Kewangan**

a. Peruntukan kewangan yang disalurkan dalam amaun yang ditetapkan ini hanya boleh digunakan bagi program yang telah diluluskan oleh Mesyuarat J**awatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT** dan Pegawai Pengawal di peringkat KPT.

b. Baki peruntukan program yang telah dilaksanakan boleh dipertimbangkan bagi sebarang program/ aktiviti keusahawanan baharu di IPT dengan kelulusan **Pegawai Pengawal.**

c. Semua aspek pengurusan kewangan dan perolehan perlu dilaksanakan secara teratur, sistematik dan telus berdasarkan kepada tatacara kewangan dan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

d. Peruntukan program keusahawanan peringkat IPT yang telah diluluskan boleh diselaraskan semula tanpa melibatkan sebarang peruntukan tambahan daripada pihak KPT dan tidak menjejaskan keberhasilan (*outcome*) yang telah ditetapkan.

e. Adalah ditegaskan bahawa, Kelulusan Mesyuarat **Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT** tidak boleh digunakan sebagai punca kuasa mutlak pembayaran dan melantik syarikat. IPT masih tertakluk kepada tatacara perolehan dan kewangan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

5. **Pelaporan dan Pemantauan**

Tujuan pelaporan dan pemantauan adalah bagi memastikan program-program keusahawanan yang diluluskan dilaksanakan oleh IPT seperti yang dirancang. Pihak KPT berhak untuk melakukan pemantauan pada bila-bila masa mengikut keperluan tanpa pemakluman awal.

a. Pelaksanaan pelaporan dan pemantauan program Keusahawanan di peringkat IPT adalah berdasarkan **dua (2) kaedah** seperti berikut:

   i. Laporan status di Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Program Keusahawanan secara berkala sekurang-kurangnya **dua (2) kali setahun**; dan/ atau

   ii. Pemantauan secara mengejut

b. IPT hendaklah memastikan keselamatan pelajar yang terlibat sebagai peserta adalah terjamin sepanjang masa dan tidak terdedah kepada sebarang risiko yang boleh mengganggu-gugat keselamatan pelajar.

c. IPT hendaklah mengemukakan kesemua butiran program keusahawanan yang dilaksanakan untuk tujuan pemantauan oleh Kementerian secara lengkap dengan mengandungi tajuk program, tarikh dan masa pelaksanaan, lokasi sebenar, jumlah pelajar/ tenaga pengajar yang terlibat, jumlah kos penganjuran program dan nama industri yang bekerjasama/ terlibat.

d. Laporan lengkap perlaksanaan program keusahawanan IPT yang telah diluluskan perlu diselaraskan oleh Pusat Keusahawanan IPT masing-masing dan hendaklah dikemukakan kepada pihak Kementerian seperti format di **Lampiran B dalam tempoh tiga (3) bulan selepas program selesai dilaksanakan.**

6. Perakuan

Dengan ini, kami **bersetuju/ tidak bersetuju** dengan tawaran dana berjumlah **RM000.00 [Ringgit Malaysia: xxx Sahaja**] untuk pelaksanaan ***nyatakan nama program.**

Kami memberi aku janji untuk mematuhi segala terma yang dinyatakan seperti di atas.

**Tarikh Pelaksanaan Program**: ____________________

**Lokasi Program** : ______________________________

| **Naib Canselor/ Timbalan Naib Canselor/ Penolong Naib Canselor/ Ketua Pengarah JPPKK/ Pengarah Kanan (Kompetensi) JPPKK** | **Pengarah Pusat Keusahawanan** |
|---|---|
| ……………………………..<br>(Tandatangan) | ……………………………..<br>(Tandatangan) |
| **Nama:** | **Nama:** |
| **Tarikh:** | **Tarikh:** |
| **Jawatan:** | **Jawatan:** |
| **Cop rasmi:** | **Cop rasmi:** |

***Sila kemukakan semula borang TOR ini kepada pihak Kementerian melalui emel entrepreneurship@mohe.gov.my**

# CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PENGGUNAAN BAKI PENJIMATAN DANA KEUSAHAWANAN (TAHUN SEMASA)




- Semakan borang permohonan oleh urus setia berdasarkan kriteria penilaian.
- Penyediaan Memo Pertimbangan Kelulusan oleh urus setia .
- Bahagian Kewangan menimbang syor yang dikemukakan oleh urus setia.
- Pegawai Pengawal menimbang syor yang dikemukakan oleh urus setia melalui Bahagian Kewangan
- Surat makluman kelulusan dari Kementerian dikemukakan dalam tempoh dua (2) minggu selepas kelulusan oleh Pegawai Pengawal dan disalin kepada mesyuarat bersidang dan disalin kepada Bendahari IPT/ Pegawai Kewangan Jabatan.

# CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PENGGUNAAN BAKI PENJIMATAN DANA KEUSAHAWANAN (BUKAN TAHUN SEMASA)



# CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PENGGUNAAN BAKI PENJIMATAN DANA KEUSAHAWANAN (BUKAN TAHUN SEMASA)




Bahagian Kewangan

- Semakan borang permohonan oleh urus setia berdasarkan kriteria penilaian.

Bahagian Kewangan/

Unit Keusahawanan

Unit Keusahawanan

- Penyediaan kertas pertimbangan program keusahawanan untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT.

**Lampiran H**

# Cadangan Kadar Bagi Pelaksanaan Program-Program Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi

| BIL | PERKARA | PENERANGAN |
|---|---|---|
| 1 | **Kadar penginapan pelajar** | |
| | Dalam Kampus | Maksimum RM35/hari/ pelajar |
| | Luar Kampus | Maksimum RM100/hari/ pelajar |
| 2 | **Kadar makan minum** | |
| | Dalam Kampus | Maksimum RM30/hari/ pelajar |
| | Luar Kampus | Maksimum RM40/hari/ pelajar |
| 3 | **Kadar insurans pelajar semasa menjalani program luar** | |
| | Program Dalam Negara | Maksimum RM10/ program/ pelajar |
| | Program Luar Negara | Tidak termasuk dalam kadar |
| 4 | **Kadar sewa dewan** | |
| | Kapasiti 300 orang ke atas | |
| | Dalam Kampus | Maksimum RM5,000/hari |
| | Luar Kampus | Maksimum RM10,000/hari |
| | Kapasiti 300 orang ke bawah | |
| | Dalam Kampus | Maksimum RM1,500/hari |
| | Luar Kampus | Maksimum RM3,000/hari |
| 5 | **Kadar sewa kenderaan** | |
| | Dalam Kampus | Maksimum RM200/hari |
| | Luar Kampus | Maksimum RM3,000/hari |

| BIL | PERKARA | PENERANGAN |
| --- | --- | --- |
| 6 | **Kadar bayaran pensyarah/ penceramah sambilan/ panel penilai/ fasilitator sambilan** | |
| | **Penjawat Awam** | |
| | Semua peringkat | Rujuk PP – WP1.8 |
| | **Swasta/ Agensi Luar** | |
| | Semua peringkat | Rujuk PP - WP10.9 |
| 7 | **Kadar penginapan panel/ penceramah/ fasilitator** | |
| | **Penjawat Awam** | |
| | Semua peringkat | Rujuk PP - WP1.10 |
| | **Swasta/ Agensi Luar** | |
| | Semua peringkat. Tuntutan kos imbuhan balik bagi bahan/ peralatan serta tuntutan perjalanan, penginapan dan lain-lain hendaklah berpatutan dan dibayar mengikut kadar yang ditetapkan sekiranya perolehan tidak dibuat secara pakej. | Rujuk PP - PK 2.1 Para 16 (i) |
| 8 | **Kadar makan minum panel/ penceramah/ fasilitator** | |
| | **Penjawat Awam** | |
| | Semua peringkat | Rujuk PP - WP1.0 |
| | **Swasta/ agensi Luar** | |
| | Semua peringkat. Tuntutan kos imbuhan balik bagi bahan/ peralatan serta tuntutan perjalanan, penginapan dan lain-lain hendaklah berpatutan dan dibayar mengikut kadar yang ditetapkan sekiranya perolehan tidak dibuat secara pakej. | Rujuk PP - PK 2.1 Para 16 (i) |

| BIL | PERKARA | PENERANGAN |
|---|---|---|
| 9 | Kadar kos perjalanan panel/ penceramah/ fasilitator | |
| | Penjawat Awam | |
| | Semua peringkat. | Rujuk PP - WP 1.4 |
| | Swasta/ Agensi Luar | |
| | Semua peringkat. | Rujuk PP - WP1.0 |

Nota :

1. Kadar bayaran penceramah sambilan dan kadar bayaran fasilitator sambilan bagi penjawat awam adalah tidak melebihi 1/2 daripada gaji bulanan pegawai.
2. Kadar bayaran kepada bukan penjawat awam perlulah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (WP10.9 - Penetapan Kadar dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan (Kuat Kuasa Pada 15 Januari 2021)).

# LAPORAN AKHIR PROGRAM KEUSAHAWANAN

TAHUN : ...............................

(Laporan perlu dikemukakan bagi setiap program yang diluluskan mengikut format)

| **MAKLUMAT PROGRAM** | |
|---|---|
| NAMA IPT | |
| NAMA PROGRAM | |
| TARIKH KELULUSAN | |
| TARIKH PENYALURAN PERUNTUKAN | |
| TARIKH MULA PROGRAM | |
| TARIKH TAMAT PROGRAM | |
| JUMLAH PERUNTUKAN | |
| JUMLAH PERBELANJAAN | |
| BAKI PERUNTUKAN | |

| **PERINCIAN PERBELANJAAN SEBENAR** | |
|---|---|
| **(Status sehingga**.....(Nyatakan tarikh) | **KOS (RM)** |
| **Aktiviti 1 : Seminar usahawan** (contoh)<br>a. Bayaran penceramah<br>b. Makan Minum<br>c. Sewaan | <br>RM xx<br>RM xx<br>RM xx |
| **Aktiviti 2 : Kursus Latihan** (contoh)<br>a. Bayaran penceramah/ tenaga pengajar/ juru latih<br>b. Makan Minum<br>c. Sewaan<br>d. Percetakan | |
| **Aktiviti 3 : Kerja Lapangan** (contoh)<br>a. Logistik<br>b. Teknikal<br><br>**Tambah ruangan aktiviti sekiranya ada.* | |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | |
| **BAKI PERUNTUKAN** | |

<table>
<tr><th colspan="4">KEBERHASILAN PROGRAM</th></tr>
<tr><td colspan="2" rowspan="5">Peserta</td><td>Peserta</td><td>Bilangan</td></tr>
<tr><td>Pelajar</td><td></td></tr>
<tr><td>Alumni</td><td></td></tr>
<tr><td>Tenaga pengajar</td><td></td></tr>
<tr><td>Komuniti</td><td></td></tr>
<tr><td colspan="2">Kolaborasi (Agensi/ Industri/ NGO)</td><td colspan="2">Sila senaraikan Agensi/ Industri/ NGO<br>i.<br>ii.<br>iii.</td></tr>
<tr><td colspan="2">Keberhasilan program<br>(Sila tandakan (√) pada ruangan yang berkaitan)</td><td colspan="2">Penerangan dan huraian</td></tr>
<tr><td></td><td>Usahawan pelajar menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian</td><td colspan="2"></td></tr>
<tr><td></td><td>Usahawan graduan menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian</td><td colspan="2"></td></tr>
<tr><td></td><td>Tenaga pengajar yang mendapat kepakaran keusahawanan</td><td colspan="2"></td></tr>
<tr><td></td><td>Kolaborasi agensi/ industri/ NGO/ persatuan dengan IPT (tempatan atau antarabangsa)</td><td colspan="2"></td></tr>
<tr><td></td><td>Syarikat/ enterprise/ perniagaan yang berjaya mendapat suntikan dana</td><td colspan="2"></td></tr>
<tr><td></td><td>Pelajar terlibat dalam program yang memanfaatkan inovasi dan teknologi dalam keusahawanan</td><td colspan="2"></td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | Syarikat pemula (Start-up) pelajar yang berteraskan inovasi dan teknologi | |
| | Impak kepada komuniti daripada aspek ekonomi dan sosial (Contoh : Sustainable Development Goals) | |

**Bahan bercetak/ multimedia:**

- Gambar
- Pautan Video pendek (berdurasi 1-3 minit) (jika ada)
- Lain-lain

**Disediakan oleh:**

.......................................

(Pusat Keusahawanan)

Nama:

Tarikh:

Jawatan:

Cop rasmi:

**Disemak oleh:**

.............................................

(Pejabat Bendahari/ Kewangan IPT)

Nama:

Tarikh:

Jawatan:

Cop rasmi:

**Disahkan oleh:**

..............................................................

(Naib Canselor/ Timbalan Naib Canselor/ Penolong Naib Canselor/ Ketua Pengarah JPPKK/ Pengarah Kanan (Kompetensi) JPPKK )

Nama:

Tarikh:

Jawatan:

Cap Rasmi:

**Akuan pengesahan ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab*

**Lampiran J**

## Keanggotaan dan Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Program Keusahawanan

**Keanggotaan**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi Tetap | : | Setiausaha Bahagian<br>Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPT |
| Ahli-ahli tetap | : | Timbalan Setiausaha Bahagian (**Pengerusi Ganti)**<br>Seksyen Operasi Strategik<br>Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPT |
| | : | Timbalan Setiausaha Bahagian<br>Bahagian Kewangan, KPT |
| | : | Ketua Unit Keusahawanan<br>KPT |
| | : | Pengarah<br>Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat, JPT |
| | : | Pengarah<br>Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK |
| Ahli jemputan | : | Bahagian/ Agensi/ Jabatan/ IPT yang berkaitan |
| Urus setia | : | Unit Keusahawanan KPT |

- **Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar boleh mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa ini dengan persetujuan dan arahan daripada Pengerusi.**

- **Kehadiran ahli mesyuarat hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli tetap atau wakilnya pada setiap kali mesyuarat bersidang.**

- **Kekerapan mesyuarat adalah sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun**

## Terma Rujukan (TOR)
## Ahli Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Program Keusahawanan

i. Membuat penilaian secara menyeluruh terhadap prestasi pelaksanaan program keusahawanan bagi memastikan ia memenuhi objektif dan sasaran yang ditetapkan.

ii. Memastikan perbelanjaan pelaksanaan program keusahawanan yang telah diluluskan mematuhi tatacara dan peraturan kewangan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

iii. Mengenal pasti isu-isu dasar dan operasi berkaitan pelaksanaan program keusahawanan serta memperakukan cadangan penyelesaian kepada **Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT/ lain-lain jawatankuasa yang berkaitan.**

iv. Menyediakan laporan berkala berhubung penilaian prestasi program-program keusahawanan, di samping memperakukan penambahbaikan secara menyeluruh bagi memastikan tujuan pelaksanaan program keusahawanan tercapai serta memenuhi keperluan.

# Carta Alir Pemantauan Pelaksanaan Program Keusahawanan




- Program hendaklah selesai dilaksanakan dalam **tempoh satu (1) tahun** dari tarikh peruntukan disalurkan.

- Pemantauan pelaksanaan program keusahawanan dilakukan oleh pihak KPT **sekurang-kurangnya tiga (3) kali** bagi mana-mana IPT yang terpilih bagi memastikan program dilaksanakan mengikut terma dan syarat dalam kertas cadangan yang diluluskan.

- Laporan program akan disemak oleh Jawatankuasa Pemantauan*.

- Laporan akhir program perlulah dikemukakan dengan lengkap dalam tempoh **tiga (3) bulan** selepas perlaksanaan program mengikut format yang disediakan oleh pihak KPT seperti di **Lampiran I.**

* Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Program Keusahawanan terdiri daripada:

- SUB(D) (Pengerusi)
- TSUB (OST) (Pengerusi Ganti)
- TSUB (W)
- Ketua Unit Keusahawanan
- Pengarah (BKIM) JPT
- Pengarah (BAPP) JPPKK
- Ahli jemputan yang berkenaan (bila perlu)

Lampiran L

## CONTOH FORMAT SIJIL

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

# SIJIL PENGHARGAAN

Dengan ini disahkan bahawa

**< NAMA DAN KAD PENGENALAN >**

telah mengikuti program

**< NAMA PROGRAM >**

pada

**< TARIKH >**

**< TEMPAT >**

sebagai

**< PESERTA/ URUS SETIA/ FASILITATOR/ PEMBENTANG >**

anjuran

**< KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI >**

dengan kerjasama

**< NAMA/ LOGO RAKAN KERJASAMA >**

......................................................

**KETUA SETIAUSAHA**
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**




# PENGHARGAAN
## KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

# Garis Panduan Dana Keusahawanan

Kementerian Pengajian Tinggi

## PENGHARGAAN

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga di atas komitmen dan sumbangan yang begitu besar dalam membangunkan semakan semula Garis Panduan Dana Program Keusahawanan, Kementerian Pengajian Tinggi kepada:**

### 1. KEPIMPINAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

- Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
- Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi
- Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Prof. Dato' Dr. Husaini Omar, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi
- Ts. Zainab Ahmad, Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
- Datuk Rosli Yaakub, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Dr. Mohd Zabri Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Dato' Shaharuddin Abu Sohot, Setiausaha Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

2. **UNIT KEUSAHAWANAN, BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

- Encik Fazli Said
- Puan Hazlin Selamat
- Puan Aidatul Izana Mohd. Taha

3. **BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

4. **JABATAN PENDIDIKAN TINGGI, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

5. **JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

6. **SEKRETARIAT PENGARAH-PENGARAH PUSAT KEUSAHAWANAN, INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI**

- Prof. Dr. Syed Jamal Abdul Nasir Syed Mohamad (UiTM)
- Prof. Dato Wira Dr. Mohd Salleh Hj. Din (UniMAP)
- Prof. Madya Dr. Mohammad Ismail (UMK)
- Prof. Madya Dr. Noor Azuddin Yakob (UKM)
- Prof. Madya Dr. Mass Hareeza Ali @ Hamid (UPM)
- Prof. Madya Dr. Abdul Rasyid Husain (UTM)
- Prof. Madya Dr. Ros Aniza Mohd. Shariff (UIAM)
- Prof. Dr. Chandrakantan A/L Subramaniam (UUM)
- Prof. Madya Dr. Mohammad Affendy Arif (UNIMAS)
- Prof. Madya Ts. Dr. Hadi Manap (UMP)
- Prof. Madya Dr. Dian Darina Indah Daruis (UPNM)
- Prof. Madya Ts. Dr. Mokhairi Makhtar (UniSZA)
- Dr. Mohd Shaari Abd Rahman (UMT)
- Dr. Umi Kartini Rashid (UTHM)
- Dr. Mohd. Amin Mohamed (UTeM)

6. 
- Dr. Mohd. Shukor Harun (USIM)
- Dr. Sharul Effendy Janudin (UPSI)
- Dr. Iskandar Abdullah (UM)
- En. Hazlan Abdul Hamid (USM)
- En. Ag. Nasip Yonos (UMS)
- En. Mohamad Ali Hamzah (JPPKK)
- Dr. Umar Haiyat Abdul Kohar (UTM)
- Dr. Mohammed Hardy Loh Rahim (UiTM)

7. **PUSAT TEKNOUSAHAWAN PELAJAR, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)**

- Dr. Umi Kartini Rashid
- Dr. Mohd. Yussni Hashim
- Ts. Dr. Mohd. Arif Rosli
- Dr. Juzaimi Nasuredin
- Pn. Noreina Kepal@Nasir

Dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.




# SOALAN LAZIM

## Garis Panduan Dana Keusahawanan

Kementerian Pengajian Tinggi

**1**

### S: Apakah maksud “Dana Program Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)”?

J: Ia adalah merupakan peruntukan dana khas KPT tersedia kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam melaksanakan inisiatif keusahawanan yang holistik dan berstruktur melalui program dan aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum. Semua IPT boleh memohon dana tersebut bagi mencapai keberhasilan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT.

**2**

### S: Siapakah yang layak memohon dana ini?

J: Terbuka kepada semua IPT dalam kategori Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti seperti yang tersenarai di Lampiran A.

**3**

### S: Siapakah kumpulan sasaran dana ini?

J: Kumpulan sasaran program keusahawanan melibatkan pelajar warganegara Malaysia yang sedang dalam pengajian di IPT, graduan (dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat pengajian), tenaga pengajar, pegawai dan staf yang terlibat secara langsung di IPT.

**4**

### Bilakah tarikh kuatkuasa garis panduan ini?

J: Garis panduan ini adalah terpakai untuk semua program keusahawanan berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

**5**

## S: Apakah jenis program/ aktiviti yang akan dipertimbangkan untuk kelulusan oleh KPT?

J: Program/ aktiviti yang akan dipertimbangkan untuk kelulusan adalah Program keusahawanan di dalam skop berikut:

i. Program pengukuhan keusahawanan
ii. Program keusahawanan sosial
iii. Program keusahawanan inovasi dan teknologi
iv. Program penjanaan dana
v. Program peningkatan kepakaran keusahawanan tenaga pengajar
vi. Program inkubator keusahawanan pelajar
vii. Lain-lain program yang berkaitan bidang keusahawanan.

Pemilihan program juga adalah berdasarkan permohonan yang mempunyai nilai kewangan yang terbaik (*best value for money*) dan penggunaan dana yang optimum. Program yang memanfaatkan inovasi dan teknologi serta dijalankan secara kolaborasi dengan agensi/ alumni/ industri/ usahawan adalah amat digalakkan.

**6**

## S: Apakah kriteria utama bagi menilai permohonan baharu yang dikemukakan IPT untuk diluluskan?

J: Penilaian permohonan baharu IPT dibuat berdasarkan kriteria seperti berikut:

i. Prestasi pelaksanaan program keusahawanan yang baik pada tahun sebelumnya dan bagi program telah tamat/ selesai dilaksanakan menghasilkan *outcome* yang selari dengan objektif program keusahawanan di bawah dana ini.
ii. Sekurang-kurangnya 80% daripada keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan pada tahun sebelumnya telah dibelanjakan.

**7**

## S: Bagaimanakah cara untuk memohon dana ini?

J: IPT perlu memastikan kriteria permohonan telah dipenuhi serta mengemukakan kertas cadangan program yang lengkap seperti format di Lampiran B.

8

## S: Dimanakah kertas kerja cadangan program keusahawanan perlu dikemukakan?

J: Kertas cadangan program perlu dikemukakan kepada Unit Keusahawanan, Kementerian Pengajian Tinggi di alamat berikut:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 3, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5, 62200 W.P Putrajaya
No. Tel.: 03-8870 6736 / 5452 / 5049
u.p: Ketua Unit Keusahawanan
Emel: entrepreneurship@mohe.gov.my

9

## S: Berapa lamakah proses kelulusan akan mengambil masa?

J: Dalam tempoh 5 minggu selepas dokumen permohonan lengkap dikemukakan IPT (tertakluk kepada tarikh dua (2) jawatankuasa terlibat bersidang). Proses meliputi fasa pembentangan dan penelitian oleh Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Dana Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi dan kelulusan Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi.

10

## S: Bilakah IPT boleh mengetahui status permohonan?

J: Satu pemakluman kelulusan program keusahawanan akan dikemukakan kepada Pusat Keusahawanan IPT dalam tempoh tiga (3) hari selepas diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi. Manakala penyaluran dana dibuat kepada IPT dalam tempoh dua (2) minggu kelulusan program.

11

## S: Berapa lamakah tempoh masa pelaksanaan program dengan menggunakan dana yang telah diluluskan?

J: Program yang diluluskan perlu selesai dilaksanakan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh dana disalurkan.

**12**

S: Berapakah kadar kelayakan penginapan, makan minum dan lain-lain keperluan bagi penyediaan anggaran kos pelaksanaan kertas cadangan permohonan pelaksanaan program keusahawanan yang dikemukakan IPT?

J: IPT boleh merujuk kepada kadar yang telah disediakan di Lampiran G. Kadar tersebut merupakan rujukan IPT dan merupakan kadar maksimum yang dibenarkan bagi dana ini.

**13**

S: Apakah yang perlu dilakukan IPT di dalam menguruskan lantikan dan pembayaran kepada syarikat yang terlibat menjalankan program keusahawanan?

J: IPT masih tertakluk kepada tatacara perolehan dan kewangan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa. Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT tidak boleh digunakan sebagai punca kuasa mutlak pembayaran dan melantik syarikat.

**14**

S: Apakah yang perlu dilakukan oleh IPT sekiranya berlaku perkara-perkara di luar kawalan, contohnya krisis pandemik yang mengganggu pelaksanaan program?

J: Sekiranya pindaan hanya melibatkan kaedah pelaksanaan program, adalah memadai untuk IPT mengemukakan pemakluman kepada KPT sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum pelaksanaan program untuk tujuan rekod. Manakala jika terdapat perubahan kepada sasaran *outcome* program yang diluluskan, pihak IPT perlu menghantar permohonan kepada KPT beserta justifikasi kukuh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum program dilaksanakan untuk pertimbangan Pegawai Pengawal.

**15**

## S: Bagaimanakan status baki dana program yang telah telah tamat/ selesai dilaksanakan? Adakah ia boleh digunakan IPT untuk melaksanakan program keusahawanan yang baharu?

J: Sekiranya terdapat penjimatan bagi sesuatu program keusahawanan yang telah dilaksanakan, baki penjimatan tersebut boleh dipertimbangkan bagi kos pelaksanaan sebarang program/ aktiviti keusahawanan lain di IPT seperti berikut:

i) Baki dana keusahawanan tahun semasa perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal dengan sokongan Bahagian Kewangan Kementerian. Permohonan perlu dikemukakan kepada urus setia KPT pada setiap sukuan tahun.

ii) Baki dana keusahawanan bagi tahun sebelumnya perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Bahagian Kewangan Kementerian untuk kelulusan terlebih dahulu.

**16**

## S: Apakah jenis perbelanjaan yang tidak boleh menggunakan dana ini?

J: Peruntukan **TIDAK BOLEH** dibelanjakan untuk perkara-perkara berikut:

i. Perbelanjaan bagi komponen program yang tidak diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Pengurusan Dana Keusahawanan IPT.

ii. Pembelian aset.

iii. Pembayaran gaji pegawai atau kakitangan IPT/ Pusat Keusahawanan IPT.

iv. Tuntutan perjalanan/ penginapan pegawai dan kakitangan.

v. Caj pengurusan di IPT bagi program keusahawanan peringkat IPT yang telah diluluskan oleh Kementerian.

vi. Pemberian pinjaman kepada pelajar bagi tujuan menjalankan perniagaan.

**17**

### S: Bagaimanakah jika pelaksanaan program melebihi tempoh setahun daripada tempoh dana disalurkan kepada IPT?

J: Program hendaklah selesai dilaksanakan dalam tempoh **satu (1) tahun** dari tarikh peruntukan disalurkan. Sekiranya lewat, IPT perlu mengemukakan justifikasi kelewatan yang kukuh dan mengemukakannya kepada pihak Kementerian.

**18**

### S: Apakah perbezaan di antara program keusahawanan peringkat nasional dan peringkat IPT?

J: Terdapat dua (2) kategori program dibawah dana ini:

i. Peringkat Nasional

Program keusahawanan yang dilaksanakan melibatkan penyertaan minimum lima (5) IPT untuk program *pioneer* atau semua IPT. Melibatkan skop program yang lebih besar dan penglibatan yang menyeluruh serta sasaran *outcome* yang lebih besar.

ii. Peringkat IPT

Program keusahawanan yang dilaksanakan melibatkan satu (1) IPT sahaja. Melibatkan skop program yang lebih kecil dan sasaran *outcome* hanya melibatkan kumpulan sasaran di IPT berkenaan sahaja.

**19**

### S: Bagaimanakah permohonan program peringkat nasional dan IPT boleh dilakukan IPT?

J: Semua permohonan program samada peringkat nasional dan IPT boleh dibuat dengan mengemukakan kertas cadangan program yang lengkap seperti format di Lampiran B.

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Aras 3, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6,
Presint 5,
62200 W.P. Putrajaya
Malaysia